



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

# GARIS PANDUAN PROSEDUR PENGURUSAN DOKUMEN KOLABORASI POLYCC



| 2023

## **PENAFIAN**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Cetakan Pertama 2023

ISBN 978-967-0763-57-6

### **Diterbitkan oleh:**

#### **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI Kementerian Pendidikan Tinggi**

Aras 4-7, Galeria PjH, Jln. P4W  
Persiaran Perdana, Presint 4  
62100 Putrajaya, Malaysia  
<https://www.mypolycc.edu.my>  
Tel: 603-8891 9000  
Faks: 603-8891 9301

© 2019 Kementerian Pengajian Tinggi  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Garis Panduan Program Jaringan Kerjasama  
Kementerian Pengajian Tinggi

2023



## SENARAI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
<b>2.0</b>	<b>TUJUAN</b>	1
<b>3.0</b>	<b>PUNCA KUASA MENANDATANGANI DOKUMEN KOLABORASI</b>	1
<b>4.0</b>	<b>DEFINISI</b>	2
4.1	Surat Hasrat/ <i>Letter of Intent</i> (Lol) dan Nota Kerjasama/ <i>Note of Cooperation</i> (NoC)	2
4.2	Memorandum Persefahaman (MoU)	3
4.3	Memorandum Perjanjian (MoA)	4
<b>5.0</b>	<b>PROSES PERMOHONAN PROGRAM KOLABORASI</b>	4
5.1	Prosedur Permohonan Kolaborasi Dalam Negara	5
	Prosedur Permohonan Kolaborasi Luar Negara	5
5.1	Pengecualian Permohonan Dokumen Kolaborasi	5
5.2	Penyambungan Dokumen Kolaborasi Yang Tamat Tempoh	5
<b>6.0</b>	<b>PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM KOLABORASI</b>	6
6.1(a)	Carta Alir Permohonan Pengesahan Program Kolaborasi Melalui Lol/NoC	7
6.1(b)	Prosedur Permohonan Pengesahan Program Kolaborasi Melalui Lol/NoC	8
6.2(a)	Carta Alir Permohonan Kelulusan Program Kolaborasi Melalui MoA/MoU – Dalam Negara	9
6.2(b)	Prosedur Permohonan Kelulusan Program Kolaborasi Melalui MoA/MoU – Dalam Negara	11
6.3(a)	Carta Alir Permohonan Program Kolaborasi Melalui MoA/MoU - Luar Negara	13
6.3(b)	Prosedur Permohonan Kelulusan Program Kolaborasi Melalui MoA/MoU – Luar Negara	15
<b>7.0</b>	<b>FORMAT DOKUMEN KOLABORASI</b>	16

<b>8.0</b>	<b>JAWATANKUASA PENILAI DOKUMEN KOLABORASI JPPKK</b>	17
8.1	Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK	17
8.2	Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK	17
8.3	Keahlian Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK	17
8.4	Keahlian Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK	18
8.5	Kekerapan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK	19
<b>9.0</b>	<b>PEMETERAIAN DOKUMEN KOLABORASI</b>	19
<b>10.0</b>	<b>DEPOSITORI DOKUMEN KOLABORASI</b>	19
<b>11.0</b>	<b>LAPORAN / MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN AKTIVITI MoA/MoU</b>	19
<b>12.0</b>	<b>PENUTUP</b>	20
<b>13.0</b>	<b>TARIKH KUATKUASA</b>	20
	Lampiran 1 : Borang Permohonan Mengadakan MoA/MoU	21
	Lampiran 2 : Format Dokumen Surat Hasrat/ <i>Letter of Intent</i> (LoI) – Dalam Negara	25
	Lampiran 3 : Format Dokumen Surat Hasrat/ <i>Letter of Intent</i> (LoI) – Luar Negara	27
	Lampiran 4 : Format Dokumen Nota Kerjasama/ <i>Note of Cooperation</i> (NoC)	29
	Lampiran 5 : Format Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU)	33
	Lampiran 6 : Format Dokumen Memorandum Perjanjian (MoA)	45
	Lampiran 7 : Format Dokumen <i>Memorandum of Understanding</i> (MoU)/ <i>Memorandum of Agreement</i> (MoA) - Luar Negara	58

## **1.0 PENGENALAN**

Garis Panduan Prosedur Pengurusan Dokumen Kolaborasi POLYCC merupakan dokumen rujukan bagi pelaksanaan program kerjasama yang melibatkan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) dengan kementerian/agensi kerajaan/pertubuhan bukan kerajaan/institusi swasta dan industri dalam atau luar negara. Kewujudan program kolaborasi dengan pelbagai pihak dapat memberi impak positif dalam aspek imej dan keterlihatan POLYCC seluruh Malaysia sebagai penyedia TVET utama negara. Justeru, semua inisiatif/program/aktiviti yang melibatkan program kerjasama pelbagai pihak memerlukan penelitian dan perancangan yang rapi serta dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah digariskan bagi memastikan keseragaman dan mampu memberikan hasil yang berkualiti dan berimpak tinggi terhadap sistem pendidikan TVET negara.

## **2.0 TUJUAN**

Garis panduan ini disediakan adalah bertujuan untuk memberikan panduan yang jelas berkaitan tatacara pelaksanaan dan pengurusan dokumen program kolaborasi bagi semua bahagian di JPPKK atau POLYCC dengan kementerian/agensi kerajaan/pertubuhan bukan kerajaan/institusi swasta dan industri dalam atau luar negara.

## **3.0 PUNCA KUASA MENANDATANGANI DOKUMEN KOLABORASI**

Kerajaan melalui peruntukan dalam Perkara 69, Perlembagaan Persekutuan mempunyai kapasiti perundangan bagi urusan harta, kontrak dan guaman. JPPKK dan POLYCC merupakan jabatan dan institusi yang boleh mewakili Kerajaan dalam memuktamadkan surat cara perundangan.

Merujuk kepada Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 [*Akta 120*], semua kontrak yang dimeterai di Malaysia bagi pihak Kerajaan hendaklah dibuat atas nama Kerajaan Malaysia dan boleh ditandatangani oleh Menteri atau oleh mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

Merujuk kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan 2023 di bawah Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], JPPKK adalah sebuah jabatan awam di bawah

bidang kuasa Menteri Pendidikan Tinggi di mana Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada pewartaan semasa.

Bagi melancarkan dan memudahkan tadbir urus dokumen kolaborasi yang melibatkan JPPKK dan POLYCC, proses pemberian kuasa kepada Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Pengarah POLYCC bagi menandatangani dokumen tersebut perlu dibuat oleh JPPKK melalui Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi (BDP KPT) setiap kali berlakunya perubahan kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan di bawah Akta 2.

#### **4.0 DEFINISI**

Program kolaborasi antara JPPKK atau POLYCC dengan kementerian, jabatan dan institusi kerajaan boleh dilaksanakan melalui pemeteraian **Nota Kerjasama/ Note of Cooperation (NoC)**, manakala kolaborasi dengan badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan, institusi swasta atau industri dalam negara dan luar negara boleh dilaksanakan melalui pemeteraian **Surat Hasrat/ Letter of Intent (LoI)**, **Memorandum Persefahaman/ Memorandum of Understanding (MoU)** dan **Memorandum Perjanjian/ Memorandum of Agreement (MoA)**. Walau bagaimanapun kaedah pemeteraian kerjasama luar negara, JPPKK atau POLYCC perlu merujuk kepada prosedur yang ditetapkan di Para 6.0.

Dokumen kolaborasi dikategorikan seperti berikut:

##### **4.1 Nota Kerjasama/Note of Cooperation (NoC) dan Surat Hasrat/Letter of Intent (LoI)**

NoC atau LoI merupakan suatu suratcara atau dokumen yang mempunyai butiran-butiran yang sama-sama termaklum oleh pihak-pihak terhadap sesuatu perkara. Dokumen ini tidak mengikat pihak-pihak dari segi undang-undang. Kebiasaannya, dokumen ini ditandatangani oleh pihak-pihak pada peringkat awal perhubungan dan hubungan kolaborasi baharu yang hendak diwujudkan.

NoC dimeterai di antara JPPKK atau POLYCC dengan kementerian, jabatan dan institusi kerajaan sahaja. Manakala, LoI dimeterai di antara JPPKK atau POLYCC dengan badan berkanun/pertubuhan bukan kerajaan/institusi swasta serta industri dalam negara atau luar negara untuk sesuatu tujuan yang umum.

NoC dan Lol dalam negara **memerlukan semakan dan pengesahan Unit Kolaborasi, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)** bagi tujuan pemeteraian.

Lol luar negara **memerlukan semakan dan pengesahan Unit Pengantarabangsaan, Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET)** bagi tujuan pemeteraian.

#### **4.2 Memorandum Persefahaman/ *Memorandum of Understanding* (MoU)**

MoU merupakan suatu suratcara atau dokumen yang mengandungi butiran yang dipersetujui oleh pihak-pihak terhadap sesuatu perkara. Ia juga merujuk kepada suatu pernyataan persefahaman dan hasrat pihak-pihak untuk bekerjasama antara satu sama lain dalam bidang-bidang tertentu tanpa mewujudkan suatu hubungan perundangan sesama mereka. Pihak-pihak tidak terikat kepada implikasi kewangan, tanggungan atau liabiliti secara perundangan. MoU dimeterai antara JPPKK yang mewakili Kerajaan dengan badan berkanun/pertubuhan bukan kerajaan/organisasi swasta/industri dalam dan luar negara.

Bahagian di JPPKK atau POLYCC selaku penyelaras MoU **perlu mengemukakan cadangan permohonan MoU melalui Unit Kolaborasi, BKIK.**

#### **4.4 Memorandum Perjanjian (MoA)**

MoA merupakan suatu suratcara atau dokumen yang mewujudkan ikatan undang-undang di antara pihak-pihak berdasarkan kepada balasan atau perjanjian yang dibuat. Pihak-pihak adalah terikat kepada tanggungjawab, obligasi dan liabiliti yang telah dipersetujui secara bersama. Ini bermaksud sebarang pelanggaran terma dalam MoA akan membolehkan pihak yang satu lagi mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang membuat pelanggaran tersebut. MoA dimeterai antara JPPKK yang mewakili Kerajaan dengan badan berkanun/pertubuhan bukan kerajaan/organisasi swasta/industri dalam dan luar negara.



Bahagian di JPPKK atau POLYCC selaku penyelaras MoA **perlu mengemukakan cadangan permohonan MoA melalui Unit Kolaborasi, BKIK.**

## **5.0 PROSES PERMOHONAN PROGRAM KOLABORASI**

Permohonan untuk mengadakan program kolaborasi terbahagi kepada dua (2) keadaan iaitu kolaborasi dalam negara dan kolaborasi luar negara.

### **5.1 Prosedur Permohonan Kolaborasi Dalam Negara**

Prosedur permohonan kolaborasi dalam negara yang menggunakan dokumen Lol atau NoC, pemohon samada dari bahagian-bahagian di JPPKK atau di POLYCC hendaklah mengemukakan permohonan kepada Unit Kolaborasi, BKIK dengan menggunakan Borang Permohonan (**Lampiran 1**) dan draf Lol (**Lampiran 2**) atau draf NoC (**Lampiran 3**). Permohonan boleh dikemukakan samada melalui emel atau kiriman surat kepada urus setia di BKIK sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) hari bekerja sebelum pemeeteraian boleh dibuat bersama rakan kerjasama.

Seterusnya adalah kolaborasi bersama rakan kerjasama dari dalam negara yang menggunakan Borang Permohonan (**Lampiran 1**), dokumen MoU (**Lampiran 4**) atau MoA (**Lampiran 5**). Bagi tujuan ini, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya ENAM PULUH (60) hari atau DUA (2) bulan sebelum pemeeteraian boleh dibuat bersama rakan kerjasama kepada urus setia iaitu di Unit Kolaborasi, BKIK bagi tujuan saringan dan penilaian awal.

Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan bersama-sama dokumen berkaitan iaitu surat iringan, slaid pembentangan, Borang Permohonan dan Draf MoU atau MoA yang dihasratkan samada melalui emel atau serahan/kiriman dokumen.

Permohonan ini seterusnya akan diangkat kepada Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK dan seterusnya Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekiranya permohonan mengadakan kolaborasi ini dipersetujui oleh jawatankuasa, Draf MoU/ MoA akan dipanjangkan kepada Unit Undang-Undang (UUU) KPT melalui BKTVET bagi tujuan semakan, penelitian dan ulasan dalam perspektif perundangan sebelum dimeterai oleh pihak yang terlibat.

## **5.2 Prosedur Permohonan Kolaborasi Luar Negara**

Bagi permohonan program kolaborasi luar negara yang menggunakan dokumen Lol, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan Borang Permohonan (**Lampiran 1**) dan draf Lol (**Lampiran 2**) kepada Unit Kolaborasi, BKIK terlebih dahulu yang juga menjadi penyelaras dokumen Lol dimana seterusnya akan dibuat proses semakan oleh Unit Pengantarabangsaan, BKTVET samada melalui emel atau kiriman surat sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) hari bekerja sebelum pemeteraian boleh dibuat bersama rakan kerjasama. Tempoh yang mencukupi bertujuan untuk memastikan dokumen yang dikemukakan dapat ditelitikan oleh pihak urus setia sebelum dimuktamadkan pemeteraiannya.

## **5.3 Pengecualian Permohonan Dokumen Kolaborasi**

Kolaborasi yang mempunyai punca kuasa tersendiri seperti perjanjian geran penyelidikan, tidak perlu melalui proses permohonan dokumen kolaborasi. Walau bagaimanapun, satu salinan dokumen kolaborasi perlu diserahkan kepada **BKIK**.

## **5.4 Penyambungan Dokumen Kolaborasi**

Bahagian di JPPKK atau POLYCC perlu mengemukakan permohonan sekurang-kurangnya ENAM (6) bulan sebelum tamat tempoh perjanjian bagi kategori **Penyambungan MoU/MoA** seperti di dalam Borang Permohonan (**Lampiran 1**) yang mengandungi perkara seperti berikut bagi tujuan penyambungan semula program kolaborasi:

- i. Laporan berkenaan program kolaborasi yang terdahulu;
- ii. Justifikasi penyambungan program kolaborasi; dan
- iii. Salinan dokumen kolaborasi terdahulu.

Semakan dokumen kolaborasi yang berkaitan iaitu Lol/NoC akan diselaraskan oleh pihak urus setia bagi tujuan pertimbangan dan kelulusan dengan syarat tidak memberikan implikasi atau komitmen kewangan kepada pihak POLYCC seperti yang telah ditetapkan.

Draf Lol/NoC yang mengandungi komitmen yang lebih daripada apa yang diperuntukkan hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan oleh **Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK**.

Prosedur bagi permohonan kolaborasi dengan pihak **dalam negara** yang menggunakan dokumen MoU/MoA perlu dikemukakan untuk pertimbangan dan syor **Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK** sebelum diangkat kepada **Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen JPPKK** sekiranya berkenaan. Prosedur yang sama turut terpakai bagi permohonan kolaborasi dengan pihak **luar negara** yang menggunakan dokumen MoU/MoA. Walau bagaimanapun terdapat tambahan prosedur kelulusan iaitu pembentangan di peringkat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Mesyuarat Jemaah Menteri seperti dalam **Perkara 6.3**.


## **6.0 PROSEDUR PERMOHONAN PROGRAM KOLABORASI**

Bahagian di JPPKK atau POLYCC perlu mematuhi prosedur yang ditetapkan bagi memastikan pelaksanaan program kolaborasi berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Prosedur permohonan kelulusan program kolaborasi antara JPPKK atau POLYCC terbahagi kepada permohonan program kolaborasi dalam dan luar negara.

Prosedur permohonan pelaksanaan program kolaborasi adalah seperti berikut:

- 6.1: a) Carta alir pengesahan program kolaborasi melalui dokumen Lol/NoC  
b) Proses kerja permohonan pengesahan program kolaborasi melalui dokumen Lol/NoC
- 6.2: a) Carta alir permohonan kelulusan program kolaborasi Melalui dokumen MoU/MoA – Dalam Negara  
b) Proses kerja permohonan kelulusan program kolaborasi melalui dokumen MoU/MoA – Dalam Negara
- 6.3: a) Carta alir permohonan program kolaborasi melalui dokumen MoU/MoA – Luar Negara  
b) Proses kerja permohonan kelulusan program kolaborasi melalui dokumen MoU/MoA – Luar Negara


**6.1 (a): Carta alir permohonan pengesahan program kolaborasi melalui Lol dan NoC**




## **6.1 (b): Prosedur permohonan pengesahan program kolaborasi melalui dokumen Lol dan NoC**

<b>Bil.</b>	<b>Proses Kerja</b>
1	Bahagian di JPPKK atau POLYCC menghantar permohonan dan draf dokumen Lol/NoC yang lengkap kepada Unit Kolaborasi, BKIK.
2	Lol dengan pihak dalam negara/NoC akan disemak dan diteliti oleh Unit Kolaborasi, BKIK manakala Lol dengan pihak luar negara akan disemak dan diteliti oleh Unit Pengantarabangsaan, BKTVET dalam tempoh sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) hari bekerja sebelum tarikh jangkaan bagi majlis pemeteraian dokumen Surat Hasrat/Nota Kerjasama tersebut.
3	Draf dokumen Lol/NoC akan diteliti dan diselaras mengikut dasar dan peraturan terkini. Sekiranya perlu penambahbaikan, dokumen tersebut akan dikembalikan semula bersama-sama ulasan oleh Unit Kolaborasi, BKIK bagi Lol dengan pihak dalam negara/NoC, manakala ulasan oleh Unit Pengantarabangsaan, BKTVET bagi dengan pihak luar negara kepada bahagian di JPPKK atau POLYCC untuk penambahbaikan.
4	Draf dokumen Lol/NoC yang telah ditambahbaik dan dikemaskini dihantar semula kepada Unit Kolaborasi, BKIK untuk diteliti dan disemak semula.
5	Draf dokumen Lol/NoC yang telah mendapat kelulusan akan dikembalikan semula kepada bahagian di JPPKK atau POLYCC untuk pelaksanaan proses pemeteraian dokumen bersama pihak-pihak berkenaan.
6	Bahagian di JPPKK atau POLYCC hendaklah menyerahkan salinan dokumen Lol/NoC dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja kepada Unit Kolaborasi, BKIK selepas majlis pemeteraian untuk direkodkan dalam inventori BKIK.

**6.2(a): Carta alir permohonan kelulusan program kolaborasi melalui dokumen MoU/MoA - Dalam Negara**






## 6.2(b): Prosedur permohonan kelulusan program kolaborasi melalui dokumen MoU/MoA – Dalam Negara


Bil.	Proses Kerja
1	Bahagian di JPPKK atau POLYCC perlu menghantar borang permohonan, kertas cadangan dan draf dokumen MoU/MoA yang lengkap dan dihantar ke Unit Kolaborasi, BKIK.
2	Unit Kolaborasi, BKIK akan menyelaraskan dan menyemak kertas cadangan dan draf dokumen MoU/MoA untuk dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bagi membuat penilaian dan pertimbangan.
3	Kertas cadangan program kolaborasi dan draf dokumen MoU/MoA yang telah dipertimbangkan untuk dipersetujui akan diangkat ke Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bagi mendapatkan kelulusan.
4	Sekiranya kertas cadangan program kolaborasi dan draf dokumen MoU/MoA perlu ditambahbaik, maka kertas cadangan dan draf MoU/MoA tersebut akan dikembalikan semula bersama-sama ulasan kepada bahagian di JPPKK atau POLYCC untuk tindakan selanjutnya.
5	Sebaliknya jika Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK <b>TIDAK</b> bersetuju dengan program kolaborasi tersebut untuk dilaksanakan, maka proses penyediaan dokumen kerjasama MoU/MoA akan ditamatkan.
6	Kertas cadangan dan draf MoU/MoA yang telah ditambahbaik perlu dikembalikan semula kepada Unit Kolaborasi, BKIK untuk diteliti dan dibentangkan semula di Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK untuk kelulusan.
7	Kertas cadangan program kolaborasi dan draf dokumen kerjasama MoU/MoA yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK, perlu diserahkan kepada Unit Dasar, BKT VET untuk diselaraskan mengikut dasar dan peraturan terkini sebelum draf dokumen MoU/MoA tersebut dikemukakan kepada PUU untuk mendapatkan kelulusan.
8	Sekiranya draf MoU/MoA yang telah disemak oleh PUU <b>TIDAK DIPERAKUKAN</b> , maka draf MoU/MoA tersebut perlu dimurnikan dan melalui semula proses <b>6.2 (b)</b> .



- 9 Manakala draf MoU/MoA yang telah disemak dan diperakukan oleh PUU, maka program kolaborasi tersebut boleh dimuktamadkan. Dokumen MoU/MoA yang mendapat ulasan dan cadangan penambahbaikan daripada PUU akan dimurnikan oleh Unit Dasar, BKT VET bersama-sama bahagian di JPPKK atau POLYCC berkenaan.
- 10 Bahagian di JPPKK atau POLYCC perlu menyediakan dokumen MoU/MoA dalam **DUA (2)** salinan untuk dimuktamadkan dan dimeterai oleh pihak-pihak yang terlibat.
- 11 Dokumen MoU/MoA yang telah dimeterai akan disimpan dokumen asal oleh bahagian di JPPKK atau POLYCC berkenaan dan sesalinan dokumen perlu diserahkan kepada Unit Kolaborasi BKIK, untuk direkodkan dalam inventori BKIK.

**6.3(a): Prosedur Permohonan Program Kolaborasi Melalui MoU/MoA – Luar Negara**





### 6.3(b): Prosedur Permohonan Kelulusan Program Kolaborasi Melalui MoU/MoA – Luar Negara

Bil.	Proses Kerja
1	Bahagian di JPPKK atau POLYCC perlu menghantar borang permohonan, kertas cadangan program kolaborasi dan draf dokumen kolaborasi MoU/MoA yang lengkap dan dihantar ke Unit Pengantarabangsaan, BKTVET.
2	Unit Pengantarabangsaan, BKTVET akan menerima dan mengurus permohonan program kolaborasi. Draft dokumen kolaborasi akan disemak dan diteliti oleh Unit Pengantarabangsaan, BKTVET dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja sebelum dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bagi membuat penilaian dan pertimbangan serta memberi syor terhadap permohonan program kolaborasi.
3	Sekiranya draf dokumen kolaborasi MoU/MoA tidak mendapat syor, maka keputusan <b>TIDAK DISYORKAN</b> tersebut akan dimaklumkan kepada bahagian atau POLYCC bagi proses permohonan semula.
4	Kertas cadangan program kolaborasi dan draf dokumen kolaborasi MoU/MoA yang telah ditambah baik dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK akan diangkat ke Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bagi mendapatkan kelulusan.
5	Kertas Cadangan Program Kolaborasi yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK akan diangkat ke Jawatankuasa Penyelarasan dan Pemantauan Kolaborasi Antarabangsa (JPPKA) melalui Bahagian Hubungan Antarabangsa KPT.
6	Kertas Cadangan Program Kolaborasi yang telah dipertimbangkan dan mendapat syor JPPKA akan dikembalikan kepada unit antarabangsa, BKTVET untuk dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang, KPT untuk diperakui.
7	Kertas Cadangan Program Kolaborasi yang tidak diperakui akan dikembalikan kepada bahagian di JPPKK atau POLYCC untuk penambahbaikan dan sekiranya diperakui, akan dimurnikan oleh Unit Pengantarabangsaan, BKTVET bersama-sama bahagian di JPPKK atau POLYCC berkenaan untuk penyediaan Memorandum Jemaah Menteri.

- 8 Memorandum Jemaah Menteri akan dikemukakan kepada Bahagian Dasar dan Penyelidikan, KPT untuk diedarkan bagi mendapat ulasan agensi pusat atau kementerian.
- 9 Seterusnya, Memorandum Jemaah Menteri akan dikemukakan kepada Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri.
- 10 Majlis pementeraian boleh dijalankan setelah mendapat kelulusan Jemaah Menteri. Sekiranya tidak mendapat kelulusan MJM, MoU tersebut tidak akan dimeterai dan ditamatkan serta merta.
- 11 Unit Pengantarabangsaan, BKT VET perlu menyimpan salinan Asal Dokumen MoU/MoA yang telah dimeterai.

## **7.0 FORMAT DOKUMEN KOLABORASI**

Dokumen kolaborasi hendaklah disediakan mengikut format standard yang telah ditetapkan seperti dalam lampiran.

## **8.0 JAWATANKUASA PENILAI DOKUMEN KOLABORASI JPPKK**

Jawatankuasa Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bertujuan untuk memperkasa peranan Jawatankuasa Penyelaras Kolaborasi JPPKK yang telah diwujudkan berikutan daripada Mesyuarat Pengurusan JPPKK Bil 1/2019 pada 28 Januari 2019. Jawatankuasa ini seterusnya bertindak sebagai penyelaras kepada semua permohonan program kolaborasi JPPKK atau POLYCC. Jawatankuasa ini terdiri daripada jawatankuasa teknikal dan jawatankuasa induk yang diurusetikan oleh Unit Kolaborasi, BKIK dan dibantu Unit Pengantarabangsaan, BKTVET bagi kolaborasi luar negara.

### **8.1 Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK**

- (a) Menyelaraskan permohonan kolaborasi daripada Bahagian di JPPKK atau POLYCC dengan pertubuhan bukan kerajaan/institusi swasta/industri yang melibatkan pemeteraian dokumen MoU/MoA.
- (b) Membuat semakan cadangan permohonan kolaborasi yang melibatkan pemeteraian dokumen MoU/MoA agar mematuhi dasar-dasar yang sedang berkuat kuasa.
- (c) Mempertimbangkan untuk memberi syor kepada permohonan kolaborasi cadangan MoU/MoA ke Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK.

### **8.2 Peranan dan Fungsi Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK**

Meneliti, mempertimbang dan meluluskan permohonan dokumen kolaborasi MoU/MoA yang telah disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK.

### **8.3 Keahlian Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK**

Keahlian Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK adalah seperti yang berikut:

<b>Pengerusi</b>	: Timbalan Ketua Pengarah (Governan)
<b>Timbalan Pengerusi</b>	: Pengarah BKIK
<b>Urus Setia</b>	: Unit Kolaborasi, BKIK Unit Pengantarabangsaan, BKTVET
<b>Ahli Tetap</b>	: Timbalan Pengarah BKIK (Unit Kolaborasi) : Timbalan Pengarah BKTVET (Unit Dasar) : Timbalan Pengarah BKTVET (Unit Pengantarabangsaan)
<b>Ahli Jemputan</b>	: Timbalan Pengarah Bahagian JPPKK dan wakil institusi (jika berkenaan)

Timbalan Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat atas arahan Pengerusi.

#### 8.4 Keahlian Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK

Keahlian Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK adalah seperti yang berikut:

<b>Pengerusi</b>	: Ketua Pengarah JPPKK
<b>Timbalan Pengerusi</b>	: Timbalan Ketua Pengarah (Governan)
<b>Urus Setia</b>	: Unit Kolaborasi, BKIK Unit Pengantarabangsaan, BKTVET
<b>Ahli Tetap</b>	: Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) : Pengarah Kanan Kompetensi : Pengarah Kanan Akademik : Pengarah BKIK : Pengarah BKTVET : Pengarah BGK
<b>Ahli Jemputan</b>	: Pengarah Bahagian JPPKK dan wakil institusi (jika berkenaan)

Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK perlu dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JPPKK.

## **8.5 Keperluan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK**

Mesyuarat Jawatankuasa akan bersidang sekurang-kurangnya DUA (2) kali setahun atau bergantung kepada permohonan dokumen kolaborasi daripada Bahagian di JPPKK atau POLYCC.

Permohonan dokumen kolaborasi hendaklah dihantar kepada urus setia Jawatankuasa sekurang-kurangnya EMPAT BELAS (14) hari sebelum Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Penilai Dokumen Kolaborasi JPPKK bersidang untuk tujuan semakan dan penyelarasan.

Korum mesyuarat hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya TIGA (3) orang ahli (tetap dan jemputan) termasuk Pengerusi/Timbangan Pengerusi.

## **9.0 PEMETERAIAN DOKUMEN KOLABORASI**

Bahagian di JPPKK atau POLYCC bertanggungjawab sepenuhnya dalam memeterai dokumen kolaborasi yang telah diluluskan dengan mengambil kira pihak yang berautoriti untuk menandatangani dokumen kolaborasi. Pihak yang berkenaan perlu menyediakan DUA (2) salinan dokumen kolaborasi untuk ditandatangani.

## **10.0 DEPOSITORI DOKUMEN KOLABORASI**

Satu salinan Lol/NoC/MoU/MoA perlu diserahkan kepada Unit Kolaborasi, BKIK untuk tujuan rekod dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja selepas majlis pemeteraian dokumen kolaborasi tersebut.

## **11.0 LAPORAN/MINIT MESYUARAT PELAKSANAAN AKTIVITI MoU/MoA**

Laporan/minit mesyuarat pelaksanaan aktiviti MoU/MoA dalam negara hendaklah dikemukakan SATU (1) tahun sekali kepada Unit Kolaborasi, BKIK manakala aktiviti MoU/MoA luar negara hendaklah dikemukakan SATU (1) tahun sekali kepada Unit Pengantarabangsaan, BKTIVET.

Semua dokumen kolaborasi yang punca kuasa kelulusan pemeteraiannya tidak melalui Jawatankuasa Induk Dokumen Kolaborasi JPPKK, pemakluman melalui emel beserta SATU (1) salinan dokumen perlu dikemukakan kepada Unit Kolaborasi, BKIK



setelah termeterainya perjanjian tersebut dalam tempoh EMPAT BELAS (14) hari bekerja.

## **12. PENUTUP**

Garis panduan ini terpakai kepada semua bahagian di JPPKK dan POLYCC yang mengendalikan program kolaborasi dengan kementerian, agensi atau institusi serta industri dalam atau luar negara.

## **13. TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan Prosedur Pengurusan Dokumen Kolaborasi POLYCC **berkuatkuasa** mulai **31 Januari 2024**.



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

**BORANG PERMOHONAN MENGADAKAN MoU/MoA/LoI**

Kategori: <i>(Sila tandakan ( ) pada yang berkenaan)</i>	
<input type="checkbox"/> <b>Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA)</b>  <input type="checkbox"/> <b>Surat Hasrat / Letter of Intent (LoI)</b>  <input type="checkbox"/> <b>Nota Kerjasama (NoC)</b>  <input type="checkbox"/> <b>Penyambungan MoU/MoA *</b>	Kategori MoU/MoA/LoI:  <input type="checkbox"/> <b>Dalam Negara</b>  <input type="checkbox"/> <b>Luar Negara</b>
*Sertakan bersama Salinan MoU/MoA dan Laporan Pelaksanaan Aktiviti	

**BAHAGIAN A : BUTIRAN MoU/MoA/LoI/NoC**

*Maklumat Institusi yang bercadang mengadakan MoU/MoA/LoI/NoC :	
*Maklumat Industri Luar yang terlibat dalam MoU/MoA/LoI/NoC :	
Tempoh MoU/MoA :	

<b>Maklumat Pegawai Bertanggungjawab (Institusi)</b>			
Nama Pegawai			
Jabatan			
No. Telefon		No. Telefon Bimbit	
No. Faks		E-mel	

<b>Maklumat Pegawai Bertanggungjawab (Syarikat)</b>			
Nama Pegawai			
Jabatan			
No. Telefon		No. Telefon Bimbit	
No. Faks		E-mel	

**Catatan:**

Sila kemukakan borang yang telah diisi dengan lengkap, surat permohonan mengadakan MoU/MoA/LoI/NoC, draf MoU/MoA/LoI/NoC yang telah lengkap serta **salinan SSM** (sekiranya berkaitan) kepada **Unit Kolaborasi Industri, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK)** di **Aras 7, Galeria PjH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 W.P. Putrajaya** untuk pertimbangan selanjutnya.

**BAHAGIAN B : LATAR BELAKANG SYARIKAT**

Nama Syarikat			
Alamat Syarikat			
No Pendaftaran Syarikat (SSM)			
Nama Pegawai			
Jawatan			
No. Telefon		No. Telefon Bimbit	
No. Faks		E-mel	
Latarbelakang Syarikat:			
<i>Sila lampirkan jika ada maklumat tambahan.</i>			

**BAHAGIAN C : IMPLIKASI KEWANGAN MoU/MoA/Lol/NoC**

<p><b>Dana :</b> (Sila tandakan (✓) pada sumber dana untuk semua aktiviti yang akan dijalankan)</p> <p><input type="checkbox"/> Pembiayaan Persendirian (masing-masing membiayai)</p> <p><input type="checkbox"/> Pembiayaan bersama</p> <p><input type="checkbox"/> Pihak ketiga, sila nyatakan, .....</p> <p><input type="checkbox"/> Lain-lain, sila nyatakan,.....</p>
--

## BAHAGIAN D : JUSTIFIKASI MENGADAKAN MoU/MoA/Lol/NoC

**Latar belakang** – Sila berikan maklumat ringkas latar belakang yang telah dijalankan sehingga mendorong kedua-dua pihak bersetuju untuk mengadakan MoU/MoA/Lol/NoC.

**Objektif** – Nyatakan tujuan MoU/MoA/Lol/NoC ini diadakan.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

**Bidang Kerjasama** – Nyatakan bidang kerjasama yang dicadangkan.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

**Aktiviti** – Perincian aktiviti utama yang telah/akan dijalankan.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

**Faedah** – Nyatakan faedah kerjasama kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti/institusi.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

## BAHAGIAN E : PENGAKUAN DAN PERAKUAN

Saya bagi pihak **(Nyatakan Nama Institusi)** adalah bertanggungjawab mengemukakan laporan/status aktiviti MoU/MoA kepada Unit Kolaborasi, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) (dalam Negara) atau Unit Pengantarabangsaan, Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET) (luar Negara) setiap **satu (1) tahun sekali**.

Saya juga mengaku bahawa kos/implikasi kewangan di atas merupakan **\*anggaran kasar/kos sebenar**. Anggaran kos ini telah disemak dan diperakukan oleh **(Nyatakan Nama Institusi)** saya.

Tandatangan Pemohon dan Cop Rasmi

Nama Pemohon	
Tarikh	

**Pengesahan / Sokongan \*Pengarah Institusi:**

Tandatangan Pengarah institusi dan Cop Rasmi

Nama Pengarah	
Tarikh	

**FORMAT DOKUMEN**  
**SURAT HASRAT/*LETTER OF***  
***INTENT (LoI)***  
**DALAM NEGARA**

LOGO KOLEJ KOMUNITI XXX  
/ POLITEKNIK XXX / JPPKK

LOGO SYARIKAT XXX /  
PERTUBUHAN XXX /  
PERSATUAN XXX

**SURAT HASRAT UNTUK BEKERJASAMA  
ANTARA  
**POLITEKNIK XXXXX**  
DENGAN  
**XXXXXXXXXXXXXXXXXX****

Tertakluk kepada Undang-undang Malaysia dan dalam usaha untuk menggalakkan kerjasama dan faedah kepada kedua-dua pihak, **Politeknik XXXXX** dan **XXXXXXXXXX** dengan ini bersetuju bahawa Surat Hasrat ini akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi kerjasama yang akan diadakan seperti berikut:

**TAJUK PROJEK**

Skop kerjasama:

- **Membuka peluang dalam perkongsian kepakaran, peralatan dan kemudahan fasiliti;**
- **Bekerjasama dalam perundingan latihan dan pensijilan yang berkaitan;**
- **Bekerjasama dalam membangunkan program pembangunan insan;**
- **Bekerjasama dalam melaksanakan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH);**
- **Bekerjasama dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan;**
- **Bekerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan usahawan setempat; dan**
- **Program-program kerjasama lain yang dipersetujui bersama.**

Kedua-dua pihak memahami bahawa sekiranya aktiviti-aktiviti tersebut hendak dilaksanakan, segala kos dan tanggungan hendaklah dibincangkan bersama dan bergantung kepada sumber yang ada di institusi masing-masing.

Butiran pelaksanaan setiap projek perlulah diperincikan secara bersama.

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada Surat Hasrat ini pada .....

**Bagi**  
**POLITEKNIK XXXXXXXXX**

**Bagi**  
**XXXXXXXXXXXXXXXXXX**

.....  
**NAMA PENGARAH**  
Pengarah  
Politeknik XXXXXXX

.....  
**NAMA**  
Jawatan  
XXXXXXXXXX

**FORMAT DOKUMEN**  
**SURAT HASRAT/*LETTER OF***  
***INTENT (LoI)***  
**LUAR NEGARA**



COLLEGE COMMUNITY  
LOGO XXX / POLYTECHNIC  
XXX / JPPKK

COMPANY LOGO XXX /  
ORGANIZATION XXX /  
ASSOCIATION XXX

**LETTER OF INTENTION TO COOPERATE  
BETWEEN  
POLYTECHNIC XXXXX  
AND  
XXXXXXXXXXXXX**

Subject to Malaysian Law and in an effort to promote cooperation and benefit to both parties, **Polytechnic XXXXXX** and **XXXXXXXXXX** hereby agree that this Letter of Intent will act as a general framework for the cooperation to be held as follows:

**PROJECT TITLE**

Scope of cooperation:

- Encourage opportunities in sharing expertise, equipment and facilities;
- Collaborate in related training and certification consultations;
- Cooperate in developing human development programs;
- Collaborate in implementing Lifelong Learning (PSH) and Lifelong Islamic Education (PISH) courses;
- Collaborate in research, innovation and commercialization;
- Cooperate in community activities and the development of local entrepreneurs; and
- Other mutually agreed cooperation programs.

Both parties understand that if the activities are to be implemented, all costs and responsibilities should be conferred together and depend on the resources available in their respective institutions.

The implementation details of each project must be detailed together.

The parties hereby sign this Letter of Intent on .....

**For**  
**POLYTECHNIC XXXXXXXXX**

**For**  
**XXXXXXXXXXXXXX**

.....  
**DIRECTOR'S NAME**  
Director  
Polytechnic XXXXXX

.....  
**NAME**  
Position  
XXXXXXXXXX

**FORMAT DOKUMEN  
NOTA KERJASAMA**



## **NOTA KERJASAMA**

### **ANTARA**

**KOLEJ KOMUNITI xxx/POLITEKNIK  
xxx/JABATAN PENDIDIKAN  
POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

### **DENGAN**

**SEKOLAH/JABATAN/AGENSI/  
SURUHANJAYA xxx**

**Kolej Komuniti xxx/Politeknik xxx/Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti** (kemudian daripada ini disebut sebagai “**KKxx/Pxxx/JPPKK**”), di satu Pihak;

## **DENGAN**

**Sekolah/Jabatan/Agensi/Suruhanjaya xxx** (kemudian daripada ini disebut sebagai “**xxxx**”), di satu Pihak yang lain.

(**KKxx/Pxxx/JPPKK** dan **xxxx**, di mana bersesuaian dengan Nota Kerjasama ini boleh dirujuk secara individu sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”).

## **SKOP KERJASAMA**

Pihak-Pihak bersetuju untuk mengadakan kerjasama seperti yang berikut–

- (i) **Membuka peluang dalam perkongsian kepakaran, peralatan dan kemudahan fasiliti;**
- (ii) **Bekerjasama dalam perundingan latihan dan pensijilan yang berkaitan;**
- (iii) **Bekerjasama dalam penambahbaikan silibus dan kurikulum;**
- (iv) **Bekerjasama dalam membangunkan program pembangunan insan;**
- (v) **Bekerjasama dalam melaksanakan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH);**
- (vi) **Bekerjasama dalam penyelidikan, penerbitan, inovasi dan pengkomersialan;**
- (vii) **Menyediakan dan memudahcara peluang untuk pelajar menjalani Latihan Industri/Latihan Industri Berstruktur/Work-Based Learning (WBL) dan pensyarah menjalani Sangkutan Industri Pensyarah;**
- (viii) **Bekerjasama dalam aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan usahawan setempat; dan**
- (ix) **Program-program kerjasama lain yang dipersetujui bersama.**

Nota Kerjasama ini berfungsi hanya sebagai rekod penghargaan kepada kerjasama antara Pihak-Pihak.

Dalam apa jua keadaan sekalipun, Nota Kerjasama ini bukan merupakan suatu tawaran atau ikatan komitmen, sama ada daripada **KKxx/Pxxx/JPPKK** atau **xxxx**, atau membuat apa-apa obligasi di bawah undang-undang tempatan atau antarabangsa dan tidak akan menimbulkan apa-apa proses undang-undang dan tidak akan disifatkan sebagai atau membuat apa-apa obligasi yang mengikat, secara nyata atau tersirat.


Ditandatangani pada ..... (hari/bulan/tahun).

Ditandatangani oleh dan bagi pihak:

.....  
**Nama**  
**Pengarah/Ketua Pengarah Pendidikan**  
**Politeknik dan Kolej Komuniti**  
**Kolej Komuniti xxx/Politeknik**  
**xxx/Jabatan Pendidikan Politeknik dan**  
**Kolej Komuniti**

.....  
**Nama**  
**Jawatan**  
**Sekolah/Jabatan/Agensi/Suruhanjaya**  
**xxx**

**FORMAT DOKUMEN  
MEMORANDUM  
PERSEFAHAMAN  
(MoU)**



LOGO INDUSTRI

# MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

ANTARA

KERAJAAN MALAYSIA

DAN

XXXXXXXXXXXXXXXXXX

DALAM BIDANG

XXXXXXXXXXXXXXXXXX

**KERAJAAN MALAYSIA** yang bagi tujuan Memorandum Persefahaman ini (“Memorandum ini”), diwakili oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi yang beralamat di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Aras 3 - 5, Galeria PJH, Jalan P4W, Persiaran Perdana 4, 62100 Putrajaya (kemudian daripada ini disebut “Kerajaan”) bagi satu pihak;

## **DENGAN**

**xxxxx [NO. SYARIKAT.: xxxxx]**, sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777] yang mempunyai alamat berdaftar di **xxxxx** (kemudian daripada ini disebut sebagai “**xxxxx**”) di pihak yang lagi satu.

(Kedua-dua Kerajaan dan **xxx** boleh dirujuk secara berasingan sebagai “Pihak” atau bersesama sebagai “Pihak-Pihak”).

**BERHASRAT** untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang **XXXXXXXXX** demi kepentingan Pihak-Pihak dan berasaskan faedah bersama.

## **BAHAWASANYA –**

A. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) yang merupakan suatu jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang bertanggungjawab terhadap pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional sentiasa berusaha untuk menambahbaik kualiti pendidikan dan latihan melalui pelbagai kerjasama dengan pihak luar.

### **B. XXXXXXXX**

C. Pihak-pihak dengan ini berhasrat untuk memasuki Memorandum ini untuk menyatakan komitmen dan kerjasama Pihak-Pihak di bawah kerjasama ini.



**MAKA DENGAN INI PIHAK-PIHAK BERSETUJU SEPERTI YANG BERIKUT —**

**PERENGGAN 1  
TAKRIFAN**

Di dalam Memorandum ini, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, berikut merupakan makna bagi terma tersebut:

“**XXXXXX**” bermaksud **XXXXXX**

“**XXXXXX**” bermaksud **XXXXXX**

**PERENGGAN 2  
OBJEKTIF**

Pihak-Pihak akan, tertakluk kepada terma Memorandum ini dan undang-undang, dan dasar negara yang berkuat kuasa di Malaysia, berusaha untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama dalam bidang **XXXXXX**.

**PERENGGAN 3  
BIDANG KERJASAMA**

Dalam mencapai objektif tersebut, kedua-dua Pihak berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menggalakkan dan mempromosikan kerjasama dalam bidang-bidang seperti yang berikut:

- (a) **XXXXXXXXX;**
- (b) **XXXXXXXXX;**
- (c) **XXXXXXXXX;** dan
- (d) apa-apa bidang kerjasama lain dalam bidang pendidikan dan, latihan sebagaimana yang dipersetujui oleh Pihak–Pihak.

**PERENGGAN 4  
PELAKSANAAN**

1. Pihak-Pihak bersetuju untuk bekerjasama, melaksana dan menjalankan Bidang Kerjasama berdasarkan perbincangan dan persetujuan Pihak-Pihak melalui terma-terma yang terkandung dalam Memorandum ini.

2. Pihak-Pihak akan menyemak kemajuan dan keputusan yang dicapai daripada pelaksanaan Memorandum ini dari semasa ke semasa. Bagi tujuan ini, Pihak-Pihak akan memastikan laporan pelaksanaan dan ringkasan perincian aktiviti, program atau projek akan diberikan kepada mana-mana Pihak apabila diminta.

## **PERENGGAN 5 JAWATANKUASA KERJA BERSAMA**

1. Pihak-Pihak, bagi tujuan Memorandum ini, akan menubuhkan satu Jawatankuasa Kerja Bersama untuk memudah cara kerjasama dengan memantau pelaksanaan Memorandum ini.
2. Jawatankuasa Kerja Bersama akan menimbangkan cara dan kaedah untuk mempromosikan objektif dan Bidang Kerjasama bagi memastikan penyelarasan dan pelaksanaan yang teratur bagi keputusan dan cadangannya.
3. Bagi memastikan skop kerjasama, Jawatankuasa Kerja Bersama akan bertanggungjawab untuk:
  - (a) memantau Program yang dilaksanakan berdasarkan Memorandum ini; dan
  - (b) merunding pemasalahan yang timbul berkenaan tafsiran, pelaksanaan atau pemakaian Memorandum ini.
4. Jawatankuasa Kerja Bersama akan dipengerusikan secara bersama oleh pegawai kanan Pihak-Pihak dengan persetujuan Pihak-Pihak. Komposisi dan tatacara Jawatankuasa Kerja Bersama akan ditentukan oleh Pihak-Pihak.
5. Jawatankuasa Kerja Bersama akan bertemu sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau sebagaimana yang dipersetujui secara bersama oleh Pihak-Pihak.

## **PERENGGAN 6 PERKIRAAN KEWANGAN**

1. Perkiraan kewangan untuk menampung perbelanjaan bagi aktiviti kerjasama yang dijalankan dalam rangka Memorandum ini hendaklah dipersetujui secara bersama oleh Pihak-Pihak tertakluk kepada kemampuan kewangan Pihak-Pihak.

